



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	15/7/2011

Cukuplah Anwar! Negara ini milik kami juga

"SUDAH-SUDAHLAH Anwar! Cukuplah tu! Negara ini milik kami juga. Mengutuk dan memperkecilkan sistem yang pernah anda sokong dan dukung tidak membantu anda untuk menjadi Perdana Menteri," kata **Jailani Harun** dalam *Just Read (justread-whatever.blogspot.com)*.

Katanya, jika Datuk Seri Anwar Ibrahim cuba untuk mencipta kebencian terhadap kerajaan Najib, termasuk mendesak Amnesty International untuk mengutuk Malaysia, ia tidak bermakna usaha itu mendapat sokongan 100 peratus daripada rakyat Malaysia.

"Gunalah kebaikan yang anda ada untuk membantu rakyat, terutama bagi meningkatkan ekonomi orang Melayu. Apa yang berlaku kepada anda adalah pengajaran kepada orang lain tetapi jangan sampai kehilangan kewarasan hanya kerana tamak kuasa.

"Bertaubatlah dan jadilah insan yang lebih mulia dan pemimpin baik. Anda bukan lagi semakin muda," katanya.

Blog **Senja Liza** (*senjaliza.blogspot.com*) pula berkata, sudah tiba masanya untuk Anwar berundur dan mencari ketenangan diri dengan membuat amal ibadat.

Katanya, sudah banyak kemusnahan yang telah dilakukan dan kini tiba masanya Anwar diganti dengan pemimpin lain yang

lebih muda dan lebih berkualiti.

"Lakonan ini semua sudah tidak laku lagi. Berhentilah... resignlah (berundurlah)... rehatlah... Cukup-cukuplah. Misi anda sudah berlalu. Cukuplah! Letak jawatan dan cari ketenangan.

"Berundurlah. Jangan jadi liabiliti kepada rakan-rakan yang lain sementara mereka masih ada sisa rasa kasih sayang. Ilangan sampai timbul benci," katanya.

Sementara itu, **Dr. Ismail Ibrahim** (*prof.ismail.blogspot.com*) berkata, orang Melayu dan umat Islam adalah orang yang paling keliru dan bingung dalam masyarakat negara ini.

Katanya, ia disebabkan oleh kemelut yang dicipta oleh para ulama, pendakwah dan bijak pandai agama serta mereka yang tidak berilmu tetapi meletakkan dirinya sendiri sebagai seorang ilmuwan, hakim atau pengeluar fatwa.

"Ulama Islam sering mengeluarkan pandangan agama dalam berbagai-bagai masalah berdasarkan politik kepartian, iaitu berdasarkan ideologi kepartian sekiranya mereka menyertai parti politik yang tertentu.

"Ulama dari parti pohtik yang memberi hukuman dan pandangannya itu akan melihat kepentingan politiknya," katanya.

Justeru, kata beliau, kerajaan perlu melakukan sesuatu yang konkrit dan jujur un-

tuk mencari jalan penyelesaian terhadap kekeliruan yang melanda umat Islam di negara ini.

Pada masa yang sama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam yang berkecuali, para ulama dan para sarjana Islam juga perlu memainkan peranan mencari jalan mengatasi kemelut tersebut yang kini kelihatan semakin parah.

Blog **Pisau.net** (*www.pisaujiet*) pula berkata, Islam semakin tidak ada nilai lagi sejak Pilihan Raya Umum Ke-12 lalu kerana ia semakin dilacurkan oleh pakatan pembangkang untuk dijadikan modal bagi meraih sokongan umat Islam.

Katanya, para pemimpin Pas pula semakin terpesona dengan kebiadapan pemimpin kafir DAP yang berterusan memainkan ayat-ayat al-Quran dan hadis termasuk terbaru melibatkan ADUN Sekinchan ketika persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor beberapa hari lepas.

"Banyak bukti ucapan dan ceramah pemimpin DAP disambut dengan takbir. Malah kaum puak khawarij (Pas) akan mempertahankan apa sahaja asalkan ia datang daripada DAP.

"Pisau kata umat Islam setuju sangat DAP guna ayat Quran, hadis untuk berkempen, betui ka?," kata blog ini.

Blog **Malaysia Heaven** (*malaysiahe-*

aven.blogspot.com) pula menyalahkan Anwar dan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sehingga semakin ramai pemimpin kafir yang berani menghina Islam.

"Semua ini adalah berpunca daripada pakcik Anwar dan Nik Aziz. Kerana mereka berdua yang memberikan lampu hijau kepada orang kafir untuk menghina Islam, Rasulullah dan Allah. Terlalu banyak dosa mereka berdua kepada umat Islam, Rasulullah dan Allah," katanya.

Kata blog remaja ini, mereka mungkin terlepas daripada hukuman di dunia tetapi nescaya mereka tidak boleh lari daripada menghadapi hukuman di akhirat kelak.

"Kepetahan berkata-kata pakcik Anwar di dunia ini nanti langsung tidak berguna di akhirat kelak. Tawaran syurga Nik Aziz, lambang bulan dan nama Pas juga langsung tidak berguna satu sen pun.

"Karpal, Guan Eng, Ambiga dan geng-geng kafir mereka juga tidak mampu menolong lagi. Malah mereka dipaksa meniti titian sirat sehingga semua dihumban terus ke dalam neraka jahanam dan mereka akan kekal selama-lamanya di dalamnya," katanya.

Kelolaan **LUKMAN ISMAIL**
lukman@utusan.com.my